

# Menjauhi hasad dalam kehidupan

**H**ASAD atau dengki merupakan keadaan apabila seseorang itu melihat sebarang kebaikan mahupun kelebihan pada diri orang lain.

Maka, dia mahukan kebaikan atau kelebihan itu hilang tidak kira sama ada dia memperolehnya atau tidak.

Lalu, seribu macam cara diikhtikarkan oleh sang pelaku supaya kebaikan yang ada pada diri orang lain tadi lenyap.

Alangkah buruknya apa yang berlaku dan ia adalah perkara yang sangat tercela dalam agama.

Oleh sebab itu, hasad adalah haram berdasarkan kata sepakat ulama (ijmak). Terdapat banyak hadis menegah kita daripada berhasad.

Dalam riwayat Abu Daud terdapat sebuah hadis yang menyebut: "Elakkanlah dirimu daripada sifat hasad kerana sesungguhnya ia membakar pahala sebagaimana api membakar kayu yang kering."

Rasulullah SAW juga bersabda seperti riwayat Tirmizi: "Penyakit umat yang lampau telah berjangkit kepada kamu iaitu dengki dan benci-membenci yang mencukur (memusnahkan).

"Aku tidak katakan mencukur rambut tetapi ia mencukur

## KOLUMNIS

Oleh **DZUHAILMI DAHALAN**

dzuhailmi@upm.edu.my  
 Pegawai Penyelidik Sosial,  
 Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS),  
 Universiti Putra Malaysia



agama (dengan sebab sifat itu, akhlak seseorang akan rosak sama sekali)."

Begitupun, terdapat situasi apabila seseorang itu dibenarkan untuk berhasad. Dalam riwayat Bukhari, Tirmizi dan Nasa'i, terdapat hadis yang menyebut:

"Tidak dibenarkan sebarang hasad kecuali terhadap dua jenis orang iaitu seseorang yang dirahmati Ilahi dengan pembacaan al-Quran, maka dia berada dalam keadaan demikian siang dan malam serta seseorang yang berharta dan dia membelanjakannya (di jalan Allah) siang dan malam."

Syeikh Muhammad Zakariyya Khandalawi dalam bab *Fadilat al-Quran (Fadhail Amal)* menyebut, oleh kerana hadis yang mengharamkan hasad itu lebih banyak dan lebih masyhur, maka para ulama telah menerangkan hadis ini dengan cara tersebut.

Hasad yang terdapat dalam hadis itu difahami dengan makna bercita-cita untuk mendapatkan sesuatu daripada orang lain tanpa ada perasaan dengki. Sifat itu disebut dalam bahasa Arab sebagai *ghibtah*.

Sementara *ghibtah* pula ialah keinginan secara

umum supaya kebaikan atau kelebihan pada diri orang lain itu juga dapat diperolehnya, tanpa ada keinginan supaya kebaikan atau kelebihan pada diri orang lain itu lenyap sama sekali.

Disebabkan hasad ditegah agama, maka lafaz hadis yang membenarkan hasad ini digunakan secara kiasan dengan makna *ghibtah*.

*Ghibtah* dibenarkan dalam hal-hal keduniaan dan sangat digalakkan dalam hal-hal agama.

Hasad adalah manifestasi daripada keadaan hati yang kotor. Hati umpama raja pada badan. Jika hati baik, maka seluruh anggota akan menjadi baik. Keadaan ini dapat dibayangkan dengan hadis riwayat Bukhari dan Muslim menyebut:

"Sesungguhnya dalam diri manusia itu ada seketul daging. Jika ia baik, maka baiklah seluruh jasadnya, jika ia buruk, maka buruklah seluruh jasadnya. Ketahuilah itu adalah hati."

Justeru, amat penting selain mempelajari ilmu yang berkaitan dengan zahiri, perlu juga dipelajari ilmu yang berkaitan dengan hati dan rohani supaya hati kita terhias serta dapat menghindari daripada perasaan hasad.

Maka tidak hairanlah terdapat kalimah-kalimah tertentu untuk dijadikan wirid telah diajar oleh ulama yang *mursyid* (baik hidupnya) kepada anak-anak murid mereka atas maksud penyucian jiwa dan menghindari penyakit-penyakit hati.

**SIFAT** bersyukur di atas nikmat yang diterima walaupun sedikit dapat menghindarkan diri daripada sifat hasad. - Gambar hiasan

## TA'LIM

Bersama  
**MOHD. DZIAULHAQ  
 HASHIM**  
 Pegawai Dakwah  
 PPZ-MAIWP



**BAYI** dalam kandungan turut berhak menerima harta pusaka mengikut syarat dan garis panduan yang ditetapkan Islam. - Gambar hiasan

## Hak anak dalam kandungan terima harta pusaka

### SOALAN:

**BENARKAH** anak dalam kandungan turut berhak mendapat harta pusaka?

### JAWAPAN:

**KEBANYAKAN** masyarakat pada hari ini tidak mengetahui bahawa hakikatnya anak dalam kandungan turut mendapat hak dalam mewarisi harta pusaka daripada si mati.

Hal ini telah diperincikan menerusi kitab *Fiqh Manhaji* yang mengatakan, seandainya bayi yang masih dalam kandungan ibu adalah pewaris si mati, sudah pasti haknya tidak boleh dinafikan.

Sebagai contoh, jika si mati hanya meninggalkan seorang isteri yang sedang hamil, diandaikan kandungan mati ketika lahir atau keguguran, si isteri tadi layak menerima satu per empat harta pusaka.

Sebaliknya jika diandaikan kandungan itu hidup ketika dilahirkan, sama ada lelaki ataupun perempuan, seorang ataupun kembar, si isteri hanya layak menerima satu per lapan daripada harta pusaka.

Oleh itu, sementara masih dalam kandungan, si isteri hanya perlu mengambil satu per lapan daripada harta pusaka kerana ia adalah hak yang sudah pasti untuknya, sementara bakinya dibekukan sehingga dipastikan keadaan kandungan.

Bahagian ibu tidak berubah iaitu satu per lapan sehingga kandungan itu lahir dan disahkan hidup.

Seandainya kandungan itu telah mati atau mati sebelum sempurna kelahiran ataupun lahir dalam keadaan nyawa yang tidak stabil (hayat *ghair mustaqirrah*), kandungan tersebut tidak berhak mewarisi harta pusaka.

Ini kerana antara syarat kelayakan mewarisi harta pusaka ialah dia hidup ketika dilahirkan dan stabil (hayat *mustaqirrah*).

Dengan ini, isteri boleh mengambil kesemua haknya iaitu satu per empat harta pusaka kerana tiada zuriat daripada si mati.

